

30/05/1999

Fungsi IKIM relevan dengan masyarakat Malaysia

iewed by Tajuddin Saman

Tajuk: IKIM: Di Sini Bermula...(The Living IKIM).

Teks: Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Alias Ibrahim.

Penerbit: IKIM.

Harga: RM50 senaskah.

BUKU bergambar yang memperjelaskan lagi makna penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ini mengandungi pelbagai maklumat bergambar mengenai institut berkenaan yang ditubuhkan khusus bagi menggembelng usaha memberikan kefahaman Islam kepada rakyat dan masyarakat antarabangsa.

Buku yang diilhamkan bekas Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid setebal 96 muka surat ini wajar ditempatkan di perpustakaan, sama ada persendirian atau awam. Ini kerana penjelasan mengenai fungsi IKIM itu sangat relevan dengan masyarakat majmuk di Malaysia sendiri.

Selain itu, kira-kira 100 keping gambar yang dicetak dalam buku ini mempunyai daya tarikan tersendiri. Ia bukan sekadar memperjelaskan gambaran bangunan IKIM tetapi ia juga mampu memperincikan pelbagai aktivitinya.

Bangunan Ikim terletak di Lot 26647, Jalan Langgak Tunku, berhampiran Jalan Duta. Konsep pembinaan bangunan berkenaan turut mengambil kira suasana sekeliling yang aman tenteram. Justeru, ia dihiasi dengan rimbunan pepohon menghijau yang menyejukkan mata memandang dan menyegarkan minda mereka yang berkunjung ke situ.

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Dr Ismail Ibrahim yang turut menyediakan teks penulisan buku ini, berkata bangunan Ikim yang unik itu membangkitkan nostalgia sesiapa saja yang memandangnya.

"IKIM menyambut kedatangan tetamu dengan pintu pagar dan pintu gerbangnya yang tersergam indah. Ia sebenarnya dibina dengan cita rasa seni warisan Islam dan tradisinya" katanya.

Beliau berkata, paduan seni bina silam dan moden bergabung dengan sebatih melahirkan keindahan bangunan IKIM. Di samping itu, tiang besar yang menunjangi bangunan berbumbung kemerah-merahan itu melambangkan kehebatan dan keteguhannya menghadapi cabaran semasa. Seiringnya, terdapat kubah dan menara yang padanya tertera logo IKIM.

Logo itu melambangkan ketinggian ilmu pengetahuan. Pada waktu malam, keindahan wajah bangunan itu kelihatan lebih terserlah dengan pancaran lampu yang menerangi setiap sudut dan ruang. Dinding kaca yang berwarna warni serta logo IKIM di menaranya kelihatan bersinar dan bermakna sekali ketika disinari cahaya lampu.

Dr Ismail berkata IKIM yang ditubuhkan hasil inspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah sebuah institusi yang bermotifkan Islam. Secara umum, ia menjalankan tugas pengkajian dan penyelidikan, mengadakan latihan, seminar, perundingan dan seumpamanya bagi menyemarakkan kemajuan umat Islam sesuai dengan peredaran zaman serta situasi semasa.

IKIM juga terbabit secara serius dalam usaha memberikan kefahaman sebenar Islam bagi memupuk masyarakat majmuk supaya hidup dalam suasana aman harmoni, stabil dan sekali gus dapat merangsang pertumbuhan ekonomi dan kerohanian serta membangunkan negara serta masyarakat manusia yang maju, bermoral dan adil.

Katanya, bangunan IKIM tidak hanya melambangkan keindahan luarannya tetapi ruangan dalamnya juga menjelmakan suasana dan persekitaran yang

indah dan harmoni.

Suasana dalaman pejabat dan bilik makan, perpustakaan dan lain-lain menggambarkan kehidupan sebuah keluarga besar yang mesra dan berintegrasi di mana semua anggota keluarga daripada peringkat atasan dan bawahan bergaul rapat, bekerja dalam suasana dan ikatan persaudaraan yang kukuh.

Dr Ismail berkata buku ini cuba memberikan gambaran umum terhadap suasana dan persekitaran di IKIM. IKIM diibaratkan seperti titik pertemuan bagi satu kehidupan yang bersimpang siur.

Buku ini juga bertujuan menggambarkan titik pertemuan dan kepelbagaian dimensi hidup ini. Penubuhan IKIM adalah sebahagian daripada catatan sejarah negara dan dunia umumnya.

Melalui pengucapan gambar-gambarnya, buku ini menonjolkan suasana ilmiah dan keindahan yang bersejarah itu bermula daripada detik, saat dan hari - daripada keheningan pagi sehingga malam berlabuh.

Mereka yang berminat memiliki buku ini boleh berhubung terus dengan Zawiyah Md Sari di bahagian penerbitan IKIM, telefon 6510889.

(END)